

KAJIAN TERHADAP KES-KES PENENTUAN STATUS AGAMA DI MALAYSIA***STUDY OF CASES ON THE DETERMINATION OF RELIGIOUS STATUS IN MALAYSIA***

i.*Siti Zubaidah Ismail

ⁱJabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia*Corresponding Author: szubaida@um.edu.my**Article history:**

Submission date: 1 September 2024
 Received in revised form: 25 October 2024
 Acceptance date: 15 November 2024
 Available online: 23 December 2024

Keywords:

Leaving or renouncing religion, apostasy, determination of religious status, judicial review

Funding:

This research did not receive any specific grant from funding agencies in the public, commercial, or non-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Ismail, S. Z. (2024). Kajian terhadap kes-kes penentuan status agama di Malaysia. *LexForensica: Forensic Justice And Socio-Legal Research Journal*, 1(2), 49-78.
<https://doi.org/10.33102/dhdjx08>



© The authors (2024). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

Applications for the determination of religious status in Malaysia are not a new phenomenon. This paper aims to highlight the actual reality of cases brought before the Shariah courts and civil courts. By analyzing cases reported in various legal journals, this study finds a diversity of applications. Not all applications are filed in the Shariah courts. There are also applications submitted to the civil courts, such as those seeking to leave a religion or to request judicial review to challenge the decisions of the Shariah courts and the National Registration Department, which have rejected their applications to change their religion or name. Applications for determining religious status that are approved by the Shariah courts are limited to cases involving confusion about religion and do not include cases involving individuals who were originally Muslims seeking to leave the religion. In conclusion, the Shariah courts are found to be extremely cautious in making decisions regarding the determination of a person's religious status. This study also emphasizes the elements of SDG 10 (Reducing Inequalities) and SDG 16 (Peace, Justice, and Strong Institutions) by underlining the importance of ensuring fair and non-discriminatory access to justice. This emphasis is crucial for building inclusive and accountable judicial institutions in addressing issues related to religious rights in Malaysia.

SDG Elements:

Reducing Inequalities, Peace, Justice, and Strong Institutions



Abstrak

Permohonan penentuan status agama di Malaysia bukanlah sesuatu yang baru. Artikel ini bertujuan untuk menunjukkan realiti sebenar kedudukan kes-kes yang berlaku di mahkamah syariah dan mahkamah sivil. Dengan menganalisis kes-kes yang dilaporkan dalam pelbagai jurnal undang-undang, kajian ini mendapat terdapat pelbagai kepelbaaan dalam permohonan. Tidak semua permohonan dibuat di mahkamah syariah. Terdapat juga permohonan yang dibuat ke mahkamah sivil untuk memohon keluar agama dan memohon semakan kehakiman untuk mencabar keputusan mahkamah syariah dan Jabatan Pendaftaran Negara yang menolak permohonan mereka untuk menukar agama dan menukar nama. Permohonan penentuan status agama yang diluluskan oleh mahkamah syariah hanya melibatkan kes kekeliruan mengenai agama dan bukannya kes membabitkan orang Islam asal yang ingin keluar agama. Sebagai rumusan, mahkamah syariah didapati amat berhati-hati dalam membuat keputusan mengenai penentuan status agama seseorang. Kajian ini turut memberi perhatian kepada elemen SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamaan) dan SDG 16 (Kedamaian, Keadilan, dan Institusi Kukuh) dengan menekankan keperluan untuk memastikan akses kepada keadilan yang adil dan tidak diskriminasi. Penekanan ini penting bagi membina institusi kehakiman yang inklusif dan bertanggungjawab dalam menangani isu-isu berkaitan hak agama di Malaysia.

Kata Kunci: Keluar agama, murtad, penentuan status agama, semakan kehakiman

Pendahuluan

Salah satu cabaran yang dihadapi dalam pengurusan hal ehwal umat Islam di negara ini ialah isu keluar agama. Pihak berkuasa agama bertanggungjawab dalam pengurusan hal ehwal agama dan urusan umat Islam termasuklah urusan dakwah, pemelukan Islam dan urusan penentuan status agama. Semuanya adalah atas dasar memastikan ketaatan kepada ajaran Islam dan menjalankan usaha amar makruf dan nahi mungkar. Tidak ramai yang berani memperkatakan isu penentuan status agama dan keluar agama secara menyeluruh. Isu ini perlu diberikan penjelasan agar tidak menimbulkan salah faham termasuk menganggap pihak berkuasa agama memberikan jalan untuk keluar agama. Hakikatnya, biarpun ada prosedur bagi menguruskan permohonan keluar agama kerana bidangkuasa itu terletak pada mahkamah syariah, namun ia tidak semudah yang dijangkakan. Proses yang perlu dilalui adalah sangat berliku dan memakan masa yang panjang. Soalnya ialah sejahteranakah pihak mahkamah meluluskan permohonan keluar Islam baik yang memohon untuk keluar Islam atau yang memohon penentuan status agama. Adakah mahkamah dengan mudah meluluskan permohonan keluar Islam yang dikemukakan.

Sorotan Literatur

Isu mengenai keluar agama merupakan isu yang telah banyak dibincangkan oleh para sarjana baik dari segi hukum Islam semasa maupun dari seudut perundang di Malaysia. Sungguhpun ia merupakan sesuatu yang sensitif, namun undang-undang memperuntukkan tatacara untuk pemohon membuat permohonan ke mahkamah dan mahkamah syariah yang mempunyai bidangkuasa terpaksa juga memutuskannya.

Pada awal dahulu, penulisan ditumpukan kepada kedudukan konflik yang berlaku mengenai bidangkuasa antara mahkamah sivil dan mahkamah syariah (Siti Zubaidah Ismail, 2000). Banyak juga kajian telah dilakukan untuk melihat isu ini dari segi implikasi perundangan (Mohd Adib al-Samuri, 2014; Mohd Nasran Mohamed & Zuliza Kusrin, 2017; Siti Zubaidah Ismail, 2012). Kebanyakan penulis bersetuju bahawa keluar Islam bukan sebahagian dari kebebasan beragama seperti yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan (Mohamed Azam Mohamed Adil, 2007; Nurjannah Abdullah, 2007).

Kajian kes di negeri yang mempunyai kaedah keluar Islam seperti Negeri Sembilan pernah dibuat (Nur Asyikin Md Nasir & Siti Zubaidah Ismail, 2017) dengan melihat fail-fail kes di negeri tersebut. Hasil penelitian menunjukkan bahawa banyak kes yang berjaya dibuat rundingcara agar kekal dalam agama Islam, manakala kes yang diterima adalah kes-kes yang mahkamah berpuas hati bahawa mereka bukan Islam sejak awal lagi. Di negeri Sabah, banyak permohonan penentuan status agama yang bukan

permohonan keluar agama secara total. Kajian yang dilakukan mendapati terdapat juga, selain kes keluar agama, ialah kes penentuan status agama yang mengelirukan dan yang disebabkan oleh kesilapan pendaftaran (Pg Ismail & Siti Zubaidah Ismail, 2015). Walaupun sudah banyak *case law* memutuskan bahawa permohonan seharusnya dibuat di mahkamah syariah, namun masih banyak kes menunjukkan permohonan keluar agama dibuat ke mahkamah tinggi sivil. Tidak banyak kajian dilakukan khususnya dalam meneliti peranan yang dimainkan oleh mahkamah sivil apabila berhadapan dengan permohonan keluar agama. Juga tidak banyak dilakukan kajian untuk melihat sejauh mana permohonan penentuan status agama dibuat di mahkamah syariah sendiri selepas *Lina Joy* memuktamadkan bahawa mahkamah syariah sahaja yang berbidangkuasa dan boleh mendengar permohonan berkenaan.

Metodologi

Kajian ini mengumpulkan kes-kes permohonan penentuan status agama, permohonan keluar agama dan pentafsiran kebebasan beragama di Malaysia. Pencarian kes-kes dibuat dengan menggunakan katakunci “*keluar Islam*”. Akses diperolehi untuk meneliti Laporan undang-undang seperti *Malayan Law Journal* (MLJ), *Current Law Journal* (CLJ), *Shariah Law Report* (SHLR) dan *Current Law Journal* (Syariah), yang dilanggani oleh Perpustakaan Universiti Malaya. Pencarian kes dihadkan kepada tempoh antara tahun 2001 hingga 2024. Jurnal Hukum pula diakses secara fizikal. Namun skopnya terhad kerana *volume* terakhir Jurnal tersebut diterbitkan adalah pada tahun 2018. Untuk tujuan perbincangan, setiap kes hanya disebut namanya sahaja tanpa sitasi penuh.

Dapatkan dan Perbincangan

Jumlah kes yang dianalisis adalah sebanyak 37 kes. Terdapat empat kategori kes iaitu:

- i. Permohonan keluar Islam di mahkamah syariah;
- ii. Permohonan semakan kehakiman di mahkamah sivil;
- iii. Permohonan keluar Islam di mahkamah sivil;
- iv. Permohonan penentuan status agama orang yang telah meninggal dunia.

Didapati bahawa semua kes yang “*pure*” muh keluar Islam tidak diluluskan oleh mahkamah. Kes yang diputuskan bukan lagi beragama Islam atau tidak pernah memeluk Islam atau pengislamannya tidak sah adalah begitu sedikit.

Diskusi 1: Permohonan keluar Islam di Mahkamah Syariah

Senarai kes permohonan penentuan status agama yang difailkan di Mahkamah Syariah adalah:

1. *Majlis Agama Islam Selangor lwn Ho Yoke Fan@ Norhalimah bt Abdullah Ho* [2018] 2 SHLR 1;
2. *Balbir bin Abdullah lwn Pendaftar Mualaf Wilayah Persekutuan* [2003] 1 CLJ (Sya) 365;
3. *Perisytharan Status Agama Janisah binti Abdul Rahim@Bigul JH XXII* (1427);
4. *Petra Pek Chong Le @Nur Shafiqah lwn Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak & Lain-Lain* [2014] 3 ShL.R 32;
5. *Re Declaration on Religious Status of Mohd Shah @Gilbert Freeman* [2009] 4 ShLR 90;
6. *Roslinda Mohd Rafi lwn Ketua Pendaftar Mualaf Sabah* [2009] 1 CLJ (Sya) 485;
7. *Satiah bt Simbunar lwn Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Sabah* [2022] MLJU 2466 dan;
8. *Siti Fatimah Tan binti Abdullah lwn. Majlis Agama Islam Pulau Pinang* [2009] 1 CLJ (Sya) 165.

Daripada senarai di atas, terdapat kes yang memohon mahkamah menentukan apakah mereka Islam ataupun tidak, biarpun nama mereka adalah nama orang Islam dan kad pengenalan juga adalah berstatus Islam. Dalam kes *Gilbert Freeman* Mahkamah Tinggi Syariah Melaka mendapati bahawa pemohon bukan Islam biarpun Islam pada nama.

Kes seperti *Roslinda, Petra, James, Janisah* yang memohon untuk keluar Islam, permohonan mereka ditolak kerana mereka adalah muslim sejak asal. Hanya kes Siti Fatimah Tan sahaja di Pulau Pinang, seorang mualaf yang memeluk Islam untuk berkahwin tetapi tidak pernah mengamalkan ajaran Islam sejak masuk Islam diputuskan bahawa pengislamannya tidak sah, justeru, menjadikannya bukan Islam. Kes ini menimbulkan polemik sehingga Jabatan Mufti Pulau Pinang mengeluarkan fatwa Istitabah pada tahun 2013. Fatwa tersebut bukan setakat menggaris dan mengatur tatacara bagaimana menjalankan proses istitabah, malah mengeluarkan hukum bahawa barangsiapa yang membantu orang untuk keluar Islam adalah murtad.

Diskusi 2: Permohonan semakan kehakiman dan keluar Islam di Mahkamah Sivil

Dalam kes-kes permohonan menukar agama ke Mahkamah Sivil pada tahun 1990an, kebanyakannya berkisar kepada isu sama ada mahkamah sivil mempunyai bidangkuasa. Perkara bidangkuasa dibangkitkan sebelum kes dapat dibicarakan. Terdapat dua pendirian mahkamah sivil ketika itu, iaitu satu ia adalah bidangkuasa mahkamah syariah secara implied provision dalam keadaan negeri-negeri pada ketika itu tiada expressed provision di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Kedua; ia adalah di bawah bidangkuasa mahkamah sivil kerana tiada ketiadaan expressed provision untuk mahkamah syariah tidak menafikan bahawa mahkamah sivil berbidangkuasa. Pendirian kedua itu bermula dengan kes *Ng Wan Chan* (1991) yang diputuskan oleh Eusoff Chin, J, bahawa mahkamah sivil berbidangkuasa kerana Yang Arif mengatakan bahawa “*jurisdiction cannot be derived by implication*”. Dalam kes *Hun Mun Meng* (1992), Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa urusan keluar Islam perlu diuruskan oleh pihak berkuasa agama, bukannya di Mahkamah Tinggi. Kes *Dalip Kaur* (1992) dan *Soon Singh* (1999) menyusul dan memutuskan lagi bahawa perkara hukum syarak sebegini adalah di bawah bidangkuasa mahkamah syariah biarpun tiada (belum ada) peruntukan bertulis mengenainya di bawah undang-undang syariah. Namun dalam kes *Lim Chan Seng* (1996), Hakim Abdul Hamid Mohamad kembali mengikut *Ng Wan Chan* dan memutuskan bahawa selagi tiada peruntukan bertulis yang menyatakan secara jelas dan tersirat bahawa penentuan status agama adalah di bawah bidangkuasa mahkamah syariah, maka mahkamah sivillah yang mempunyai bidangkuasa mendengar permohonan tersebut. Polemik bidangkuasa akhirnya dimuktamadkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Lina Joy* (2000) yang menegaskan bahawa keputusan muktamad mengenai status agama seseorang muslim mestilah dibuat oleh Mahkamah Syariah. Keputusan mahkamah syariah akan menjadi dokumen yang perlu dikemukakan kepada pihak berkuasa lain (seperti Jabatan Pendaftaran Negara) untuk urusan pertukaran nama dan sebagainya.

Selepas dipertegaskan bahawa isu ini adalah di bawah bidangkuasa mahkamah syariah, didapati permohonan tetap dibuat ke Mahkamah Sivil sama ada menerusi writ saman pemula (*originating summon*) atau menerusi semakan kehakiman (*judicial review*).¹ Kedua-dua ini mengheret pihak berkuasa agama, mahkamah syariah dan pihak lain seperti Jabatan Pendaftaran Negara dan dinamakan sebagai defendant. Isu yang dibawa ialah mencabar perkara-perkara berkaitan kebebasan beragama menurut Perlembagaan Persekutuan, mencabar keputusan mahkamah syariah, menuntut hak tukar agama, pertukaran nama dan sebagainya. Pada masa yang sama, defendant yang dinamakan juga membuat bantahan atau memohon pembatalan tindakan berkenaan atas asas di luar bidanguasa, penyalahgunaan proses mahkamah (*abuse of court process*) dan sebagainya. Semua permohonan ditolak oleh Mahkamah Tinggi yang boleh diringkaskan seperti berikut:

- i. Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidangkuasa. Permohonan perlu dibuat ke Mahkamah Syariah.
- ii. Mahkamah Sivil tiada sebarang hak atau kuasa untuk mengakaskan penghakiman yang telah dibuat oleh Mahkamah Syariah.

¹ Di bawah Order 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

- iii. Biarpun kebenaran diberikan untuk melakukan semakan kehakiman ke Mahkamah Persekutuan (setelah kes ditolak di mahkamah tinggi dan mahkamah rayuan), keputusan tetap berlandaskan kepada isu bidangkuasa.
- iv. Dalam kes Jabatan Pendaftaran Negara disaman, Mahkamah memutuskan bahawa JPN berhak meminta pemohon mengemukakan bukti keluar Islam dari Mahkamah Syariah.
- v. Disebabkan ianya di bawah bidangkuasa mahkamah syariah, responden yang terdiri daripada pihak berkuasa agama boleh (dan sering) memfailkan bantahan/pembatalan tindakan berdasarkan kepada Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi. Bantahan dikemukakan kerana *posta-Lina Joy* adalah sudah muktamad bahawa permohonan keluar Islam/penentuan status agama perlu dibuat di Mahkamah Syariah.

Dalam kes *James (2012)*, biarpun lahir dalam keluarga Islam, beliau mendakwa mengamalkan ajaan Kristian sejak bersekolah lagi. Defendan (Kerajaan Malaysia) membantah mendakwa permohonan ini adalah satu “*abuse of court process*” kerana keputusan *Lina Joy* sudahpun jelas bahawa perkara yang dimohon termasuk di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah. Justeru, Hakim yang bijaksana dengan tegas memutuskan bahawa: *This court is obviously bound by the clear ruling in Lina Joy as a matter of judicial precedent.*

Dalam penyata tuntutan pemohon, boleh dikatakan hampir semua membuat permohonan untuk mahkamah sivil mengisyiharkan mereka sebagai bukan Islam atas alasan bahawa keluar agama adalah termasuk dalam skop kebebasan beragama seperti yang dijamin oleh Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Mereka juga menuntut injunksi untuk menghalang pihak berkuasa agama mengenakan sebarang tindakan termasuk mendakwa melakukan kesalahan percubaan murtad atau mengarahkan hadir sesi rundingcara akidah. Namun, mahkamah tetap menolak kerana bukan bidangkuasa mahkamah sivil untuk memutuskan urusan penentuan status agama yang sudah jelas berada di bawah bumbung mahkamah syariah.

Berikut adalah senarai kes yang dilaporkan:

1. *A lwn Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan* [2022] MLJU 1376;
2. *Aaishah Heathers Bong bt Colin lwn Pendaftar Mualaf Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Lain-Lain* [2023] MLJU 3205;
3. *Azmi Mohamad Azam lwn Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak dan Lain-Lain* [2016] 6 CLJ 562;
4. *Dahlia Dhaima bt Abdullah lwn Majlis Agama Islam Selangor dan satu lagi* [2024] MLJU 1007 (Mahkamah Persekutuan);
5. *Dalip Kaur Gurbix Singh lwn Pegawai Polis Daerah, Balai Polis Daerah, Bukit Mertajam dan Lain-lain* [1991] 3 CLJ 2768;
6. *Daud bin Mamat* (Lain-Lain lwn Majlis Agama Islam dan Seorang Lagi [2001] 2 MLJ 390
7. *Jenny bt Peter @ Nur Muzdalifah Abdullah lwn Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak dan Lain-Lain* [2017] 1 MLJ 340
8. *Kamariah bte Ali dan Seorang Lagi lwn Majlis Agama Islam Terengganu dan Seorang Lagi* [2006] 5 MLJ 470;
9. *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Lain-Lain* [2007] 4 MLJ 585 (Mahkamah Persekutuan);
10. *Lim Yoke Khoon lwn Pendaftar Mualaf Majlis Agama Islam Selangor & Lain-Lain* [2007] 1 MLJ 283;
11. *Mohd Syafiq Abdullah @ Tiong Choo Ting lwn Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak dan Lain-Lain* [2015] 1 LNS 812;

12. *Rishinie Ochie bt Mohd Melvyn lwn Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan & Lain-Lain* [2021] MLJU 2263;
13. *Syafiqa Shirleyna Chan binti Abdullah lwn Majlis Agama Islam Selangor & Lain-lain* [2023] MLJU 1684;
14. *Syarifah Nooraffyzza Wan Hosen lwn Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak dan LL* [2018] 3 CLJ 620;
15. *Majlis Agama Islam Negeri Sembilan lwn. Hun Mun Meng* [1992] 2 MLJ 676;
16. *Tongiah Jumali & SL lwn Kerajaan Negeri Johor dll* [2015] 1 SHLR 41;
17. *Soon Singh lwn Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah dan Seorang Lagi* [1994] 1 MLJ 690;
18. *Zubeydah Bte Shaik Mohd lwn Kalaichelvan a/l Alagapan dan lain-lain* [2003] 2 MLJ 471;
19. *Priyathaseny dan Lain-lain lwn Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perak dan lain-lain* [2003] 2 MLJ 302;
20. *Md Hakim Lee lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan* [1998] 1 MLJ 681;
21. *Rosliza Ibrahim lwn Kerajaan Negeri Selangor & Seorang Lagi* [2021] 2 MLJ 181;
22. *Mohd Ismail bin Abd Ghani (Saravanan a/l Balakrishnan) lwn Ketua Pengarah Pendaftaran Negara & SL* [2012] 1 SHLR 707;
23. *Lim Chan Seng lwn Jabatan Agama Islam Pulau Pinang* [1996];
24. *Majlis Agama Islam Negeri Sembilan lwn Hun Mun Meng* [1992] 2 MLJ 676;
25. *James lwn Kerajaan Malaysia* [2012] 1 MLJ 721;
26. *Nishanti a/p Jaya lwn Ketua Pengarah Pendaftaran Negara* [2024 MLJU 1030].

Kes yang “tipikal” ialah seperti *Lim Yoke Khoon*, atau Norasyikin Lim Abdullah (2007), seorang cina yang beragama Kristian dan kemudiannya memeluk Islam. Apabila bercerai dari suaminya, dia mendakwa bahawa selepas menganuti agama Islam untuk berkahwin, beliau tidak pernah mengamalkan ajaran Islam. Beliau membuat suratikatan poll mengaku sudah kembali ke agama asal iaitu Kristian. Beliau turut memohon ke Jabatan Pendaftaran Negara (defendant ketiga) untuk menukar nama dan menggunakan semula nama asalnya. Beliau juga menulis surat kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS selaku defendant pertama) memaklumkan pertukaran agamanya. Defendant dalam bantahannya menghujahkan bahawa perkara pokok dalam tindakan plaintiff ini adalah mengenai pengisytiharan bahawa dia tidak lagi menganuti agama Islam dan itu termasuk di dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah. Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan defendant untuk membatalkan tindakan plaintiff. Keputusan yang sama dibuat kepada kes-kes lain yang seumpama dengannya

Diskusi 3: Kes penentuan status orang yang telah meninggal dunia

Terdapat tiga kes yang telah dilaporkan iaitu sepet berikut:

1. *Permohonan Pengisytiharan Status Agama Islam Simati Nelson William Johnney@Khairulzain Johnney Abdullah* [2005] JH XXII/I;
2. *Perisytiharan Status Agama Nyonya binti Tahir* [2006] JH XXI/II;
3. *Perisytiharan Status Agama Moorthy bin Abdullah* [2006] Jurnal Hukum 21:2:210.

Dokumen pengislaman yang mencukupi menjadi bukti bahawa simati *Nelson Willian Johnney @ Khairulzain* dan *Moorthy bin Abdullah* adalah Islam dan pihak berkuasa agama telah diberi kebenaran untuk menguruskan jenazah mereka menurut Islam. Agak tragis dan menyedihkan bagi kes *Khairulzain* kerana aruah sudah pun dikebumikan di perkuburan Kristian. Namun, dengan adanya wasita aruah agar

dikebumikan menurut Islam dan bukti yang jelas mengenai pengislamannya, maka pengakhirannya yang sempurna dapat dilaksanakan oleh pihak berkuasa agama di Sabah. Dalam kes *Nyonya Tahir*, Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah memutuskan bahawa si mati bukan beragama Islam, Walaupun dilahirkan dalam keluarga orang Islam, si mati telah berkahwin dengan seorang kaum cina dan semua anak-anaknya bernama cina. Mereka hidup sebagai orang cina, berbudaya cina, menyembah Tok Kong, memakan babi dan mengamalkan agama Buddha. Disebabkan kesemua bukti dan keterangan menjurus kepada kehidupan bukan Islam, maka mahkamah menentusahkan bahawa si mati bukan beragama Islam dan harus disemadikan sebagai bukan Islam.

Kesimpulan

Dari kacamata Mahkamah Syariah, ia telah diberi suatu tanggungjawab yang berat untuk menilai status agama seseorang yang telah pun Islam dan pada masa yang sama melakukan suatu dosa keluar agama yang amat dilarang oleh Islam. Memutuskan seseorang itu kekal sebagai seorang Islam adalah sebaik-baik keputusan khususnya selepas diarahkan menjalani proses runding cara akidah atau istitabah. Dari kacamata “pelanggan”, mereka berhadapan dengan dilemma dan kesukaran kerana sudah tidak mahu menjadi orang Islam dan mahu kembali ke agama asal. Mereka membuat pengakuan masih mengamalkan agama asal dan tidak pernah mengamalkan Islam atau diajar mengenai Islam dengan harapan pihak mahkamah akan berpihak kepada mereka. Undang-undang syariah mempunyai peruntukan yang kemas tentang pemelukan Islam dan tiada sebarang peruntukan mengandungi peruntukan yang membenarkan percubaan keluar agama. Seseorang yang ingin memeluk Islam perlu diberi kesedaran bahawa Islam melarang keluar agama selepas melafazkan shahadah.

Satu perkara yang jelas juga dalam kes-kes yang disebutkan di atas ialah tentang peranan peguam-peguam yang mewakili pemohon. Mereka ini menghujahkan bagi pihak anak guamnya bahawa keluar agama adalah termasuk dalam kebebasan beragama yang dijamin di bawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Pentafsiran sebegini, bagi mereka, mewajarkan isu permohonan keluar Islam ini ditentukan di mahkamah sivil. Namun sehingga hari ini, tiada Hakim yang bersetuju dengan *line of argument* sebegini. Lebih malang juga ialah apabila peguam-peguam yang cenderung ke arah *argument* ini adalah beragama Islam.

Rujukan

- Abdullah @ Chew Li Hua, N. (2007). Legislating faith in Malaysia. *Singapore Journal of Legal Studies*, 264–289.
- Al Adib Samuri, M., & Quraishi, M. (2014). Negotiating apostasy: Applying to ‘leave Islam’ in Malaysia. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 25(4), 507–523. <https://doi.org/10.1080/09596410.2014.907054>
- Ismail, S. Z. (2000). Pertindihan bidangkuasa mahkamah syariah: Sorotan terhadap kes-kes murtad. *IKIM Law Journal*, 4, 69–98.
- Ismail, S. Z. (2017). *Undang-undang kesalahan jenayah syariah di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Md Nasir, N. A., & Ismail, S. Z. (2017). Amalan mahkamah syariah mengisytiharkan status agama dalam kes permohonan keluar Islam. *KANUN*, 26(1), 1–37.
- Mohamad Ahmad, N. (2020). Definisi Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan dan kesannya terhadap kefahaman dan amalan ajaran Islam di Malaysia. *Sains Insani*, 5(2), 9–16.
- Mohamed Adil, M. A. (2007). Restrictions in freedom of religion in Malaysia: A conceptual analysis with special reference to the law of apostasy. *Muslim World Journal of Human Rights*, 4(2), Article 1.
- Mohammad, M. N., & Muhd Kusrin, Z. (2017). Conversion out of Islam and its implication under the laws of Malaysia. *Ijtima'iyya*, 2(2), 215.
- Pg Musa, P. I., & Ismail, S. Z. (2015). Permohonan keluar Islam: Kajian kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah. *Jurnal Syariah*, 23(1), 53–78.
- Yaacob, A. M. (2012). *Islam dan kebebasan beragama menurut Perlembagaan Persekutuan*. Yayasan Ilmuwan.